JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
*(Department of Fisheries Malaysia*
*Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)*
PEJABAT KETUA PENGARAH PERIKANAN
WISMA TANI, ARAS 6, 4G2
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.

*Jabatan Perikanan Malaysia*

http://www.dof.gov.my hqhelp@dof.gov.my Telefon : 03-88704000 Faks (Perundangan) : 03-8889... Faks (Ketua Pengarah) : 03-88892460

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
TARIKH TERIMA
24 MAY 2013

Ruj. Kami : Prk.ML. 34/40-1 Jld. 7 (33)
Tarikh: 16 Mei 2013

Ketua Pengarah
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4-11, One IOI Square,
IOI Resort, 62502 Putrajaya
No. Tel : 603-8995 7000; No. Faks : 603-8941 4000 / 8994 3731

Komander
PASUKAN POLIS MARIN (PPM)
Jabatan KDN/KA,
Tingkat 24, Menara 1,
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia,
50560 Bukit Aman, Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 0503; Faks: 03-2070 7500

HJ. JOHARI BIN RAMLI
PENGARAH PELESENAN & PENGURUSAN SUMBER
IBU PEJABAT PERIKANAN
PUTRAJAYA

Y.Bhg. Datuk/Y.H./Y.Bhg.Dato',

**PENGUATKUASAAN KE ATAS NELAYAN PUKAT SORONG DI DAERAH LARUT MATANG, NEGERI PERAK**

2. Adalah saya dengan segala hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Y.H./Y.Bhg.Dato' berhubung dengan perkara di atas.

3. Selaras dengan dasar bagi menjamin bekalan ikan sebagai salah satu sumber makanan negara, pihak Jabatan Perikanan telah meneliti kembali mengenai peningkatan ancaman kepada kemapanan sumber perikanan dan juga konflik antara nelayan akibat daripada aktiviti nelayan-nelayan yang menggunakan peralatan yang dilarang termasuklah pukat sorong. Dalam hal tersebut, pihak Jabatan Perikanan juga telah mengambil kira kepentingan pematuhan kepada Akta Perikanan 1985, instrumen antarabangsa *FAO CCRF (Code of Conduct for Responsible Fisheries)*, Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 dan juga Pelan Strategik Jabatan Perikanan 2011-2020.

1Malaysia
Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

Fail dlm SU Pelesenan

4. Sehubungan itu, pihak Jabatan Perikanan mengambil keputusan untuk **menguatkuasakan undang-undang iaitu PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LARANGAN CARA MENANGKAP IKAN) 1980** [Warta PU(A) 314/80] yang di dalamnya termasuklah mengenai larangan aktiviti menangkap ikan seperti menggunakan pukat sorong, di seluruh negara. Sehubungan itu juga maka surat "MOHON PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN KE ATAS NELAYAN PUKAT SORONG DI DAERAH LARUT MATANG, NEGERI PERAK", rujukan Prk.ML.97/01/01 Jld.6 (10) yang bertarikh 8 Jun 2011 dan mana-mana juga surat penangguhan penguatkuasaan ke atas aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat sorong sebelum ini adalah **DIBATALKAN**.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak Y.Bhg. Datuk/Y.H./Y.Bhg.Dato' selanjutnya. Segala kerjasama pihak Y.Bhg. Datuk/Y.H./Y.Bhg.Dato' amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan berbanyak-banyak terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)**
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
**PUTRAJAYA**

*Abj*

s. k : Y.Brs. TKP (P)
Y.Brs. TKP (O)
Pengarah Bhg. PS
Pengarah Bhg. PPS
Pengarah Perikanan Negeri Perak
Ketua Cawangan Perundangan